



SKIM LANTIKAN KHAS TENAGA AKADEMIK UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

1.0 PENGENALAN

Skim Lantikan Khas Tenaga Akademik, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bertujuan mewujudkan skim yang lebih menarik dalam memantapkan perkongsian ilmu pengetahuan dalam Pengajaran dan Pembelajaran khususnya kepada pelajar dan staf akademik di UniSZA.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memenuhi kehendak Universiti/ Fakulti/ Pusat Kecemerlangan dalam bidang-bidang kepakaran tertentu.
- 2.2 Meningkatkan mutu Pengajaran dan Pembelajaran di UniSZA melalui pewujudan tenaga pengajar/ penasihat berpendidikan tinggi/ berpengalaman.
- 2.3 Memenuhi kehendak semasa selari dengan Visi UniSZA menjadi “Universiti Pilihan Tersohor di Persada Dunia”.

3.0 SKIM LANTIKAN KHAS TENAGA AKADEMIK

- 3.1 Skim Lantikan Khas Tenaga Akademik adalah terdiri daripada:
 - 3.1.1 Skim Perkhidmatan Akademik – Sepenuh Masa (Profesor Pelawat)
 - 3.1.2 Skim Perkhidmatan Akademik – Bertempoh (Profesor Pelawat/ Profesor Adjung/ Profesor Madya Pelawat/ Profesor Madya Adjung)
 - 3.1.3 Skim Pengajar Khas – Sepenuh Masa (Pengajar Khas Utama/ Pengajar Khas Kanan)
 - 3.1.4 Skim Perkhidmatan Akademik – Bertempoh (Felo Kehormat)
 - 3.1.5 Skim Perkhidmatan Keahlian Luar – Sepenuh Masa (Karyawan Tamu/ Saintis Pelawat)
 - 3.1.6 Skim Felo Wakaf Akademik – Sepenuh Masa/ Separuh Masa (Felo Wakaf Akademik)

**SKIM PERKHIDMATAN AKADEMIK – SEPENUH MASA
(PROFESOR PELAWAT)**

Kriteria Pelantikan : Seseorang individu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas di dalam sesuatu bidang.

Terma Lantikan : Sepenuh masa.

Tempoh Lantikan : Minimum sebulan hingga maksimum dua belas bulan.

Gelaran :	Kesetaraan Gred	Gelaran
	Gred Khas C	Profesor Pelawat

Gaji/ Imbuan :	Kesetaraan Gred	RM
	Gred Khas C	10,000.00 sebulan **Dibayar secara lump sum

Kemudahan-kemudahan Lain : **(i) Perubatan**
Layak untuk penjawat sahaja semasa menjalankan tugas di UniSZA.

(ii) Cuti Rehat

Dua hari sebulan (budi bicara pihak Fakulti/ Institut).

(iii) Tuntutan Perjalanan/ Penginapan Semasa Menjalankan Tugas Rasmi

Tuntutan Perjalanan/ Penginapan mengikut kadar kelayakan semasa penjawat.

(iv) Tambang Penerbangan (pergi dan balik sekali sahaja dalam tempoh pelantikan (bagi Bukan Warganegara))

Kesetaraan Gred	Kelayakan
Gred Khas C	Mengikut peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa untuk pegawai sahaja.

(v) Kemudahan Kelengkapan Pejabat

Disediakan mengikut keperluan.

(vi) Bayaran Visa

Ditanggung oleh UniSZA (bagi bukan warganegara).

- Bidang Tugas** : 1) Membantu Pusat Pengajian/ Fakulti/ Institut dalam meningkatkan kecemerlangan akademik, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan imej Universiti.
- 2) Tugas terperinci tertakluk kepada Pusat Pengajian/ Fakulti/ Institut.
- Kelulusan Pelantikan** : 1) Diperakukan oleh Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti yang dipengerusikan oleh Dekan/ Pengarah Institut.
- 2) Diluluskan oleh Senat.
- 3) Surat pelantikan disediakan oleh Pejabat Pendaftar.
- Penamatan Perkhidmatan** : UniSZA atau pegawai boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

**SKIM PERKHIDMATAN AKADEMIK – BERTEMPOH
(PROFESOR PELAWAT/ PROFESOR MADYA PELAWAT/
PROFESOR ADJUNG/ PROFESOR MADYA ADJUNG)**

Kriteria Pelantikan : Seseorang ahli akademik dari luar UniSZA yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas di dalam sesuatu bidang.

Terma Lantikan : Bertempoh.

Tempoh Lantikan : Setahun.

Gelaran :	Kesetaraan Gred	Gelaran
	Gred Khas C	Profesor Pelawat/ Profesor Adjung
	Gred 53	Profesor Madya Pelawat/ Profesor Madya Adjung

Honorarium :	Kesetaraan Gred	RM
	Gred Khas C	5,000.00/ setahun (Yuran Pengekalan) 500.00/ hari setiap kali lawatan
	Gred 53	3,000.00/ setahun (Yuran Pengekalan) 300.00/ hari setiap kali lawatan

****Kesetaraan gred ditentukan oleh Senat.**

Kemudahan-kemudahan Lain : **(i) Perubatan**

Layak untuk penjawat sahaja semasa menjalankan tugas di UniSZA.

(ii) Cuti Rehat

Tidak diperuntukan.

(iii) Tuntutan Perjalanan/ Penginapan Semasa Menjalankan Tugas Rasmi

Tuntutan Perjalanan/ Penginapan mengikut kadar kelayakan semasa penjawat.

(iv) Tambang Penerbangan (pergi dan balik dalam tempoh pelantikan)

Kesetaraan Gred	Kelayakan
Gred Khas C	Mengikut peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa untuk pegawai sahaja.
Gred 53	Mengikut peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa untuk pegawai sahaja.

(v) Kemudahan Kelengkapan Pejabat

Disediakan mengikut keperluan.

- Bidang Tugas** : 1) Membantu Pusat Pengajian/ Fakulti/ Institut dalam meningkatkan kecemerlangan akademik, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan imej Universiti.
- 2) Tugas terperinci tertakluk kepada Pusat Pengajian/ Fakulti/ Institut.
- Kelulusan Pelantikan** : 1) Diperakukan oleh Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti yang dipengerusikan oleh Dekan/ Pengarah Institut.
- 2) Diluluskan oleh Senat.
- 3) Surat pelantikan disediakan oleh Pejabat Pendaftar.
- Penamatan Perkhidmatan** : UniSZA atau pegawai boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

**SKIM PENGAJAR KHAS – SEPENUH MASA
(PENGAJAR KHAS UTAMA / PENGAJAR KHAS KANAN)**

Kriteria Pelantikan : Seseorang individu (warganegara Malaysia) yang telah bersara wajib atau berumur 60 tahun ke atas atau mempunyai pengalaman luas di dalam sesuatu bidang kepakarannya yang bersesuaian dengan pengkhususan dan persekitaran di Malaysia.

Terma Lantikan : Sepenuh masa.

Tempoh Lantikan : 1 hingga 3 tahun.

Gelaran	Kesetaraan Gred	Gred Dalaman	Gelaran
	Gred Khas C	DK7	Pengajar Khas Utama
	Gred 51	DK51	Pengajar Khas Kanan

Gaji/ Imbuhan	Kesetaraan Gred	Gred Dalaman	RM/ Bulan
	Gred Khas C	DK7	8,000.00 hingga 12,000.00
	Gred 51	DK51	5,000.00 hingga 9,000.00

*****Bayaran Gaji/ Imbuhan dibayar secara lump sum dan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti.***

Kemudahan-kemudahan Lain :

(i) Perubatan
Layak mendapat kemudahan perubatan mengikut Skim Kemudahan Perubatan UniSZA yang sedang berkuatkuasa.

(ii) Cuti Rehat
25 hari setahun. Baki cuti tidak boleh dibawa ke tempoh lantikan seterusnya.

(iii) Tuntutan Perjalanan/ Penginapan Semasa Menjalankan Tugas Rasmi
Tuntutan Perjalanan/ Penginapan mengikut kadar kelayakan semasa penjawat.

(iv) Kemudahan Kelengkapan Pejabat

Disediakan mengikut keperluan.

Bidang Tugas : Mengajar sekurang-kurangnya 12 jam seminggu dalam bidang kepakarannya.

- 1) Menyelia pelajar prasiswazah atau siswazah.
- 2) Bagi Institut:
 - i) Dikehendaki menyelia sekurang-kurangnya 3 orang pelajar PhD atau 5 orang pelajar Sarjana (Bersama atau Jawatankuasa) **atau** 2 orang pelajar PhD atau 3 orang pelajar Sarjana (Individu) **dan**;
 - ii) Mengetuai sekurang-kurangnya 2 penyelidikan berimpak tinggi (FRGS, LRGS, NRGs) **dan**;
 - iii) Menghasilkan minimum 5 jurnal berimpak yang diindeks oleh ISI, SCOPUS atau ERA.
- 3) Membantu membimbing staf akademik di Fakulti.

Menyediakan kertas soalan, skema jawapan dan penilaian kursus.

Kelulusan Pelantikan :

Gred Dalam	Kelulusan
DK7	Lembaga Pengarah Universiti
DK51	Mesyuarat Pengurusan Universiti

Surat Pelantikan disediakan oleh Pejabat Pendaftar.

Penamatan Perkhidmatan : UniSZA atau pegawai boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

**SKIM PERKHIDMATAN AKADEMIK – BERTEMPOH
(FELO KEHORMAT)**

Kriteria Pelantikan : Seseorang individu yang dilantik di Institut/ Pusat Kecemerlangan dari kalangan ahli akademik, bukan akademik, para profesional dan tenaga pakar dalam penyelidikan dari luar UniSZA.

Terma Lantikan : Bertempoh.

Tempoh Lantikan : Setahun.

Gelaran	Kesetaraan Gred	Gelaran
	Gred Khas C	Felo Kehormat

Honorarium	Kesetaraan Gred	RM
	Gred Khas C	Berdasarkan kepada perbelanjaan/ tuntutan sebenar serta tertakluk kepada had maksimum bayaran tidak melebihi RM5,000.00 sebulan termasuk perjalanan, penginapan dan makan/ minum.

Kemudahan-kemudahan Lain : **(i) Perubatan**
Layak untuk penjawat sahaja semasa menjalankan tugas di UniSZA.

(ii) Cuti Rehat

Tidak diperuntukan.

(iii) Tambang Penerbangan (pergi dan balik dalam tempoh pelantikan)

Kesetaraan Gred	Kelayakan
Gred Khas C	Mengikut peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa untuk pegawai sahaja.

(iv) Kemudahan Kelengkapan Pejabat

Disediakan mengikut keperluan.

- Bidang Tugas** :
- 1) Berperanan sebagai penasihat kepada Institut terutama dalam bidang kepakaran.
 - 2) Menjalankan penyelidikan dalam bidang yang berkaitan dengan kepakaran masing-masing dan bidang keutamaan sesuatu Institut.
 - 3) Membantu menyelia pelajar pascasiswazah jika diperlukan.
 - 4) Menerbitkan dan membentangkan hasil penyelidikan.
 - 5) Memberi syarahan/seminar/bengkel atas tajuk-tajuk tertentu selaras dengan bidang kepakaran.
 - 6) Membantu meningkatkan jaringan kerjasama Institut sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Kelulusan Pelantikan** :
- 1) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Institut yang dipengerusikan oleh Pengarah.
 - 2) Diluluskan oleh Senat/ Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
 - 3) Surat pelantikan disediakan oleh Pejabat Pendaftar.
- Penamatan Perkhidmatan** :
- UniSZA atau pegawai boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

**SKIM PERKHIDMATAN KEPAKARAN LUAR – SEPENUH MASA
(KARYAWAN TAMU/ SAINTIS PELAWAT)**

Kriteria Pelantikan : Seseorang individu yang terkenal dalam bidang kepakaran tertentu di peringkat kebangsaan dan/ atau antarabangsa.

Terma Lantikan : Sepenuh masa.

Tempoh Lantikan : 1 hingga 3 tahun.

Gelaran :	Kesetaraan Gred	Gred Dalaman	Gelaran
	Gred 45/ 51	DK45	Karyawan Tamu/ Saintis Pelawat

Gaji/ Imbuhan :	Kesetaraan Gred	Gred Dalaman	RM/ Bulan
	Gred 45/ 51	DK45	6,000.00 hingga 12,000.00

*****Bayaran Gaji/ Imbuhan dibayar secara lump sum dan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti.***

Kemudahan-kemudahan Lain : **(i) Perubatan**
Layak mendapat kemudahan perubatan mengikut Skim Kemudahan Perubatan UniSZA yang sedang berkuatkuasa.

(ii) Cuti Rehat

25 hari setahun.

(iii) Tuntutan Perjalanan/ Penginapan Semasa Menjalankan Tugas Rasmi

Tuntutan Perjalanan/ Penginapan mengikut kadar kelayakan semasa penjawat.

(iv) Tambang Penerbangan (pergi dan balik sekali sahaja dalam tempoh pelantikan (bagi Bukan Warganegara))

Kesetaraan Gred	Gred Dalam	Kelayakan
Gred 45/ 51	DK45	Mengikut peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa untuk pegawai sahaja.

(v) Kemudahan Kelengkapan Pejabat

Disediakan mengikut keperluan.

(vi) Bayaran Visa

Ditanggung oleh UniSZA (bagi bukan warganegara).

- Bidang Tugas** : 1) Menghasilkan sebuah karya/ sesuatu produk bermutu tinggi dalam tempoh lantikan yang ditetapkan dan boleh meningkatkan citra UniSZA dalam bidang yang berkaitan.
- 2) Tugas terperinci tertakluk kepada persetujuan yang dibuat semasa pelantikan.
- Kelulusan Pelantikan** : 1) Diperakukan oleh Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti yang dipengerusikan oleh Dekan/ Pengarah Institut.
- 2) Diluluskan oleh Senat/ Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
- 3) Surat pelantikan disediakan oleh Pejabat Pendaftar.
- Penamatan Perkhidmatan** : UniSZA atau pegawai boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

**SKIM FELO WAKAF AKADEMIK – SEPENUH MASA/ SEPARUH MASA
(FELO WAKAF AKADEMIK)**

- Kriteria Pelantikan** : a) Individu yang telah bersara atau pernah berkhidmat secara kontrak yang diiktiraf kepakarannya dan mempunyai pengalaman serta kepakaran dalam bidang yang bersesuaian dengan keperluan UniSZA.
- b) Calon mestilah seorang yang telah memberikan sumbangan yang signifikan/ cemerlang dalam kerjaya atau bidang sama ada melalui pengajaran, penyelidikan atau sumbangan profesional. Selain itu, calon perlulah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
- Terma Lantikan** : Sepenuh masa/ Separuh masa.
- Tempoh Lantikan** : 1 Tahun.
- Gelaran** : Tidak membawa gelaran Profesor.
- Gaji/ Imbuhan** : Tidak melibatkan apa-apa bayaran.
- Kemudahan-kemudahan Lain** : i) Layak mendapat kemudahan perubatan di UniSZA Medical Centre (UMC) dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) untuk pegawai sahaja dan semasa berkhidmat di UniSZA sahaja.
- ii) Kemudahan perpustakaan.
- iii) Kad Staf/ No. Staf.
- iv) E-mel UniSZA.
- v) Fasiliti Pusat Sukan dan Rekreasi, UniSZA.
- vi) Pelekat Kenderaan.
- vii) Kemudahan Ruang/ Pejabat.
- Bidang Tugas** : i) Terlibat dalam penyelidikan atau penyeliaan atau *mentoring* atau penerbitan atau konsultasi.
- ii) Jika terlibat dalam pengajaran, perlu atas kelulusan pihak fakulti (konsep *team teaching* – salah satu konsep *mentoring*).
- iii) Dari segi penyeliaan, calon boleh menjadi Penyelia Utama tetapi Penyelia Bersama mestilah terdiri daripada Pensyarah Tetap di UniSZA.
- iv) Tidak perlu *log-in* dan *log out*.

- v) Tugas terperinci tertakluk kepada persetujuan yang dibuat semasa pelantikan.
- Kelulusan Pelantikan** :
- i) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Fakulti/ Pusat Tanggungjawab yang dipengerusikan oleh Dekan/ Ketua Pusat Tanggungjawab.
 - ii) Diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
 - iii) Surat pelantikan dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar.
 - iv) Urus setia – Pejabat Pendaftar.
- Penamatan Perkhidmatan** :
- UniSZA atau pegawai boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

BAHAGIAN III – HAK UNIVERSITI

3.0 PENUTUP

- 3.1 Pihak Universiti boleh memendekkan tempoh atau menamatkan perkhidmatan Tenaga Akademik Khas pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab.
- 3.2 Semasa di Universiti ini, Tenaga Akademik Khas adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan di Universiti ini.